

A strong corporate culture and a common vision to excel are of critical importance in facing the challenges of the present day business environment. By improving efficiency, productivity and quality at every level of our operations, we will continue to step up the Group's overall performance.

Budaya korporat yang kukuh dan wawasan kecemerlangan yang sama amat penting untuk menghadapi cabaran di persekitaran perniagaan masa kini. Pencapaian keseluruhan Syarikat akan terus diperbaiki dengan peningkatan kecekapan, produktiviti dan kualiti di semua bahagian operasi.



# Chairman's Statement

## Penyata Pengerusi

# Chairman's Statement

## Penyata Pengerusi

**For the year ended 31 December 2002, your Company achieved a profit before tax of RM58.3 million on a turnover of RM518.4 million.**

The Board had declared an interim dividend of 3 sen gross per share on 8 August 2002 which was paid on 20 September 2002. The Board now recommends a final dividend of 5 sen per share tax exempt, which, if approved, will be paid on 13 May 2003 to shareholders whose names appear in the Record of Depositors on 2 May 2003.

Business conditions during the year continued to be difficult. The performance of the three main sectors were as follows:

### The Fertilizer Business

2002 was a mixed year for the agricultural sector and the fertilizer industry. The year began with a continuation of 2001's lacklustre performance in commodity prices. There was much caution in the agricultural sector with the demand for fertilizers continuing to be weak. However, as the year progressed, commodity prices experienced an upswing with a positive impact on the demand for fertilizers. CCM Fertilizers recorded a profit before tax of RM8.8 million, on a turnover of RM207.1 million.

Agricultural crops such as oil palm, rubber, cocoa and pepper, saw a marked improvement in demand and prices. Of significance was the major increase in crude palm oil (CPO) prices, in view of it being the dominant crop in the plantation sector. This improvement in prices was brought about by dry weather conditions in major production areas of the world, tightening the supply of edible oils that compete with palm oil. Domestic factors have also contributed significantly to the situation. CPO output growth declined in the year due to lower crop yields caused by the adverse effects of the reduction in fertilizer usage in preceeding years and moisture shortage from reduced rainfall. The impact of Government's policy at reducing CPO output by providing incentives for replanting mature low-yielding palm was also felt. The company benefited from its strategic vision of helping both plantation and smallholder customers to tide over the difficult period of lower CPO prices, by providing appropriate technical advice and specially formulated compound fertilizers that helped maintain the essential nutrient balance for crops. The major beneficiaries were those who had continued to maintain the recommended rates of fertilizer application with a view towards taking advantage of continued improved yields when price stability

**Dalam tahun berakhir 31 Disember 2002, Syarikat anda telah mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM58.3 juta ke atas perolehan sebanyak RM518.4 juta.**

Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen pertengahan sebanyak 3 sen kasar sesaham pada 8 Ogos 2002, yang telah dibayar pada 20 September 2002. Lembaga Pengarah kini mengisytiharkan dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 5 sen kasar sesaham, yang, jika diluluskan, akan dibayar pada 13 Mei 2003 kepada para pemegang saham yang terdapat dalam Daftar Pendeposit pada 2 Mei 2003.

Keadaan perniagaan pada tahun semasa kekal susah. Prestasi ketiga-tiga sektor utama adalah seperti berikut:

### Perniagaan Baja

Tahun 2002 merupakan tahun yang berbaur bagi sektor pertanian dan industri baja. Tahun ini bermula dengan harga komoditi yang suram, lanjutan dari tahun 2001. Sektor pertanian sangat berwaspada dengan permintaan ke atas baja yang terus lemah. Walaubagaimanpun, peningkatan harga komoditi pada akhir-akhir tahun memberi kesan positif terhadap permintaan baja. CCM Fertilizers mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM8.8 juta ke atas perolehan sebanyak RM207.1 juta.

Tanaman pertanian seperti kelapa sawit, getah, koko dan lada menampakkan kemajuan dalam permintaan dan harga. Sebagai tanaman utama dalam sektor penanaman, peningkatan harga minyak sawit yang ketara paling bermakna. Peningkatan harga ini adalah hasil daripada keadaan cuaca yang kering di kawasan pengeluaran utama dunia yang mengetatkan pembekalan minyak makan yang bersaing dengan minyak sawit. Faktor tempatan juga telah memberi sumbangan yang besar kepada keadaan ini. Hasil tanaman rendah yang disebabkan pengurangan kegunaan baja dalam tahun-tahun sebelumnya serta kelembapan rendah akibat kekurangan hujan menyebabkan kemerosotan pertumbuhan pengeluaran minyak sawit dalam tahun semasa. Dasar kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran minyak sawit dengan memberi insentif penanaman semula pokok kelapa sawit yang matang dan berhasil rendah turut dirasakan kesannya.

Wawasan strategik Syarikat untuk membantu peladang dan pekebun kecil mengharungi kesukaran semasa kejatuhan harga minyak sawit dengan memberi nasihat teknikal yang berkenaan serta pembekalan baja kompaun khas bagi mengekalkan khasiat seimbang dalam tanaman, membuahkan hasil.



**New business perspectives are opening up for us with the introduction of our electronic ordering system that is connected directly to customers.**

**Pengenalan sistem pesanan elektronik yang disambung terus kepada pelanggan telah membuka perspektif perniagaan baru kepada kita.**



**The improved financial results of the Company are attributable to our far-sighted vision to build credibility over the years with customers as partners-in-progress.**

**Peningkatan keputusan kewangan Syarikat berpunca daripada wawasan berpandangan jauh kita untuk meningkatkan kepercayaan disepanjang kerjasama dengan para pelanggan sebagai pasangan dalam kemajuan.**



returned. Such credibility earned over the years with customers as partners-in-progress, during both difficult and good times, saw a surge in confidence in the offtake of the company's premium quality compound fertilizers with the increase in CPO prices. The improved financial results of the company over that of the previous year can be attributed to this far-sighted vision.

To further facilitate customers, and in keeping with the rapid pace of electronic management, the company introduced an electronic ordering system that is connected directly to customers. It is believed that this is a first in the industry. The system has enabled customers throughout the country to be able to place orders via the internet, reducing administrative and manpower costs, thereby enhancing efficiency.

CCM Fertilizers continued to be sensitive to the needs of customers in all segments of the agricultural sector, including that of fruit and cash crops. This has been possible due to the wide range of compound fertilizers manufactured and innovative product development. Product quality has always been given prime consideration, as evidenced by the dual quality accreditation awarded from SIRIM (Standards and Industrial Research Institute of Malaysia), these being MS49 in 1977 and MS ISO 9002 in 1994, affirming conformance with Malaysian and international standards, respectively. As a further measure in assisting customers to obtain maximum benefit from the usage of the company's fertilizers, an innovative product under the registered tradename "CHB Biomat" was introduced. Derived from fibre waste, it has been recognised as an eco-friendly product for the conversion of waste towards improving agricultural productivity. The product has found wide acceptance in the agricultural sector.

The Golden Growers Club which was launched in 1998 saw an upsurge in membership in the course of the year. This affirmed its benefits whereby members are eligible to the newsletter "Agrinfo" as well as to attend forums and seminars on improved agricultural management practices. Under the concept of "Total Care", 22 scholarships were awarded in the year, bringing it to a total of 78 scholarships since inception, under the Educational Excellence Award scheme for children of customers with outstanding SPM and STPM results.

Pemanfaat utama adalah mereka yang meneruskan penggunaan baja pada kadar yang disyorkan dengan harapan untuk menambahkan hasil apabila harga kembali stabil. Kepercayaan yang diperolehi disepanjang kerjasama dengan pelanggan sebagai pasangan dalam kemajuan, semasa menghadapi kesusahan dan kejayaan, menambahkan keyakinan mereka. Ini terbukti dengan sambutan terhadap baja kompaun berkualiti tinggi keluaran syarikat semasa kenaikan harga minyak sawit. Keputusan kewangan yang bertambah baik pada tahun lepas berpunca daripada wawasan yang berpandangan jauh ini.

Syarikat memperkenalkan sistem pesanan elektronik yang disambung terus kepada pelanggan, sejajar dengan perkembangan pengurusan elektronik bagi memudahkan pelanggan. Sistem ini merupakan yang pertama di dalam industri. Ia membolehkan pelangan membuat pesanan melalui internet dari seluruh negara disamping mengurangkan kos pentadbiran dan tenaga kerja serta meningkatkan kecekapan.

CCM Fertilizers terus prihatin terhadap kehendak pelanggan dalam semua bahagian sektor pertanian, termasuk tanaman buah-buahan dan tanaman kontan. Penghasilan rangkaian baja kompaun yang luas serta pembangunan produk yang inovatif memungkinkan keadaan ini. Dua pentauliahan kualiti yang dianugerahkan oleh SIRIM (Institut Pemiawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia), iaitu MS49 dalam tahun 1977 dan MS ISO 9002 dalam tahun 1994, yang mengesahkan pematuhan kepada piawai Malaysia dan antarabangsa membuktikan kualiti produk sentiasa diberi perhatian utama. Sebuah lagi produk baru yang didaftarkan di bawah jenama "CHB Biomat" telah diperkenalkan sebagai langkah untuk memanfaatkan lagi pelanggan yang menggunakan baja keluaran syarikat. Dihasilkan dari bahan buangan fiber, ia diiktiraf sebagai produk mesra alam yang menukarkan bahan buangan ke arah memperbaiki produktiviti pertanian. Produk ini mendapat sambutan yang baik dalam sektor pertanian.

Kelab 'Golden Growers' yang dilancarkan pada tahun 1998 menampakkan tambahan keahlian dalam tahun semasa. Ini telah mengesahkan lagi manfaat di mana ahli-ahli berhak menerima surat warta "Agrinfo" serta menghadiri forum dan seminar untuk membaiki amalan pengurusan pertanian. Di bawah konsep "Keprihatinan Menyeluruh", 22 biasiswa telah diberi dalam tahun semasa, membawakan jumlah biasiswa yang diberi sejak permulaan sekim Anugerah Kecemerlangan Pendidikan untuk anak-anak pelanggan yang mancapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM kepada 78.



**Our drive towards Quality and Safety, Health and Environment (SHE) management excellence continued to pay dividends with a number of prestigious awards and initiatives.**

**Tumpuan kami kepada kecemerlangan pengurusan Kualiti dan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar terus memberi pulangan dengan beberapa anugerah yang berprestij dan inisiatif.**